

04/10/2001

Naza Kia, KMC mahu bina loji di Malaysia

NAZA Kia Sdn Bhd (Naza Kia) dan Kia Motors Corporation (KMC) mempunyai rancangan membina loji pemasangan kenderaan Kia di Malaysia dengan anggaran kos antara RM150 juta hingga RM200 juta pada masa depan.

Bagaimanapun, kedua-dua pihak belum mendapat kata putus mengenai bila kilang pengeluaran itu akan dibina kerana perlu melihat pelbagai faktor termasuk kos, kedudukan kewangan KMC dan permintaan pasaran pada peringkat global.

Naza Kia adalah pemegang francais dan pengedar kereta keluaran Kia dari Korea Selatan di negara ini.

Pengerusi Naza Kia, Tan Sri Abdul Aziz Ismail, berkata perbincangan mengenai penubuhan kilang itu masih berjalan sejak idea mengenainya timbul tahun lalu selain membuktikan komitmen dan kepercayaan KMC terhadap pasaran kenderaan keluarannya di rantau ini.

"Kami perlu membuktikan keupayaan menerusi program pemasangan komponen secara tercurai (CKD) terlebih dulu sebelum melangkah lebih jauh tetapi perbincangan mengenai perkara ini adalah serius.

"Komitmen KMC terhadap kami boleh dilihat menerusi penubuhan Pusat Latihan Serantau KMC bagi Asia Pasifik di Setapak, Kuala Lumpur yang membabitkan pelaburan kira-kira RM10 juta," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran model Kia Spectra dan pembukaan rasmi bilik pameran utama Naza Motor Trading Sdn Bhd di Petaling Jaya, Selangor oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Model Spectra 1.6 liter (Automatik) itu adalah yang pertama kali dipasang sepenuhnya di luar Korea di loji pemasangan kenderaan Automotive Manufactures Malaysia (AAM) milik Kumpulan DRB-Hicom di Pekan, Pahang, membabitkan pelaburan kira-kira RM80 juta.

Abdul Aziz berkata, menerusi perbincangan dengan Menteri Besar Selangor, kerajaan negeri itu bersedia bekerjasama dengan syarikat bagi mencari lokasi sesuai bagi membina kilang itu di Selangor.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Naza, Tan Sri Sheikh Mohamad Nasimuddin Kamal Sheikh Mohamad Amin, berkata pelancaran model itu adalah satu pencapaian membanggakan kumpulan Naza yang sudah hampir 23 tahun terbabit dalam perniagaan mengimport dan menjual kereta.

Beliau berkata, sejak Spectra dilancarkan awal tahun ini, sebanyak 600 unit sudah dijual manakala lebih 18,000 unit kenderaan Kia berada di atas jalan raya sejak kenderaan itu dibawa masuk ke negara ini pada 1996.

"Model Kia Spectra ini menawarkan ciri-ciri menarik, keselesaan dan keselamatan serta ditawarkan pada harga yang cukup berdaya saing iaitu RM79,004.06 termasuk pakej aksesori," katanya.

Nasimuddin berkata, Naza Kia merancang memasang dua lagi model keluaran Kia iaitu kenderaan pelbagai guna (MPV), Carens dan van penumpang komersial, Pregio di loji pemasangan itu bermula April tahun depan.

Beliau berkata, bagi memastikan perkhidmatan selepas jualan terjamin, Naza Kia membuat pelaburan besar termasuk membina Pusat Servis dan Alat Ganti (3S) bernilai RM10 juta di Setapak, Kuala Lumpur manakala pusat 3S terbaru di Puchong, Selangor bernilai RM8 juta.

Beliau berkata, keyakinan pengeluar Kia, KMC terhadap pencapaian Naza Kia terbukti apabila menerima anugerah pengedar utama Kia di rantau Asia Pasifik pada 1999 selain menerima anugerah peningkatan perkhidmatan selepas jualan.

(END)

